



Ruj. Kami : Prk. ML. 41/38-731d 2 (2)  
Tarikh : 2hb Oktober 2020

Pengurus,  
Vet Food Agro Diagnostics (M) Sdn. Bhd.  
Lot 18B, Jalan 241,  
Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya, Selangor.  
(u.p.: How Shaio Pau)  
Tel: 03 7873 6405  
Fax: 03 2270 0119

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA OLEH JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BAGI TUJUAN ANALISIS HASILAN IKAN UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN IKAN BEBAS PENYAKIT**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana telah mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025:2017 dari Jabatan Standard Malaysia (DSM) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM). Dengan akreditasi yang telah diperolehi, makmal tuan adalah layak untuk diberi pengiktirafan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).
3. Justeru itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **DOF bersetuju memberikan pengiktirafan** kepada makmal tuan bagi tujuan analisis hasilan ikan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan Ikan Bebas Penyakit berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan **sehingga 3hb Oktober 2022** seperti mana tempoh sah laku Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2017 yang dikemukakan kepada Bahagian ini. Skop analisis yang diiktiraf oleh DOF adalah terhad kepada jenis **ujian hasilan ikan** iaitu **WSSV, TSV, MBV, YHV dan IHNV** bagi sampel ikan dan udang selaras dengan bidang pengujian berdasarkan **skop akreditasi MS ISO/IEC 17025:2017** yang dikeluarkan **pada 8hb Oktober 2019**. Sebarang penarikan balik akreditasi oleh DOF akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.
4. Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh DOF, pihak tuan perlu mengemukakan permohonan untuk melanjutkan pengiktirafan sebelum tamat tempoh dengan mengemukakan salinan Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 yang terkini. Sebarang penambahan skop akreditasi juga perlu dimaklumkan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi jenis ujian analisis yang selaras dengan penambahan skop akreditasi tersebut.



5. Untuk makluman pihak tuan, **DOF akan menjalankan pemeriksaan verifikasi keupayaan analisis di makmal tuan pada bila-bila masa** jika diperlukan. DOF adalah berhak menarik balik pengiktirafan ini sekiranya pihak makmal gagal mematuhi syarat atau tidak berpuas hati dengan prestasi makmal tuan.
6. Makmal tuan juga perlu mengemukakan **laporan analisis sampel yang dijalankan bagi pengeluaran sijil kesihatan ikan bebas penyakit** iaitu **WSSV, TSV, MBV, YHV dan IHNV** bagi sampel ikan kepada Bahagian ini setiap enam (6) bulan (Lampiran). Laporan Januari-Jun perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Julai manakala laporan Julai-Disember perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Januari tahun berikutnya.
7. **Sekiranya tiada permohonan daripada pihak makmal untuk melanjutkan pengiktirafan, nama makmal akan dikeluarkan daripada senarai makmal yang diiktiraf oleh DOF dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tempoh tamat.**
8. Bahagian ini berharap agar pihak tuan sentiasa memastikan tahap kecekapan makmal yang tinggi bagi mengeluarkan keputusan analisis yang boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.
9. Segala pertanyaan lanjut sila hubungi pegawai kami, Pang Anak Nyukang/ Eleanor Daniella bt Lokman di talian 03-8870 4611/ 03-8870 4675 atau e-mel kepada pang@dof.gov.my/ eleanor@dof.gov.my

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' ADNAN BIN HUSSAIN)**  
Pengarah Kanan  
Bahagian Biosekuriti Perikanan  
b.p. Ketua Pengarah Perikanan  
Ibu Pejabat Perikanan  
**PUTRAJAYA**  
(PN4596/ELEANOR4674)

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perikanan

### **SENARAI EDARAN**

Ketua Cawangan Kesihatan Ikan dan Awam (KIA)

Pang Anak Nyukang

Ketua Cawangan Standard dan Perikhidmatan Makmal (SPM)

Ketua Cawangan Audit, Pensijilan dan CITES (APC)

Eleanor Daniella binti Lokman

Pegawai Penyelidik Kanan

Cawangan Standard dan Perikhidmatan Makmal

Pengarah,

Pejabat Perikanan Negeri Selangor,

Tingkat 7 Wisma PKPS,

Persiaran Perbandaran, Seksyen 14,

40675 Shah Alam,

Selangor

Ketua Pusat,

Pusat Biosekuriti Perikanan Selangor KLIA,

Pusat Pengurusan Kesihatan Ikan dan Kuarantin KLIA,

Komplek Kuarantin JalanPekeliling 4,

64000 KLIA Sepang Selangor



## LAPORAN ANALISIS MAKMAL/ LAB ANALYSIS REPORT

(Perlu Dihantar Kepada Jabatan Perikanan Malaysia Setiap 6 Bulan/ *Need to be submitted to Department of Fisheries Malaysia every 6 months*)

NAMA MAKMAL : .....  
 ALAMAT : .....  
 NO. TEL : ..... NO. FAKS : .....  
 E-MEL : .....

No.	Syarikat yang Menghantar Sampel /Shipping's Company)	Tarikh Penerimaan Sampel/ Date of Sample Received	Ujian/ Test (Paramater)	Keputusan/ Result
1)				
2)				
3)				
4)				
5)				
6)				
7)				
8)				
9)				
10)				
11)				
12)				
13)				
14)				
15)				
16)				

- i. Kami/Saya mengakui bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan terkini di mana sebarang pernyataan palsu adalah suatu kesalahan dan boleh menyebabkan \*kami/saya didakwa dan bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan berkaitan dan pihak Jabatan Perikanan Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan pengiktirafan kepada makmal kami/ saya.
- ii. Kegagalan makmal tuan mengemukakan laporan seperti yang dinyatakan di atas boleh menjejaskan pengiktirafan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

*\* We / I acknowledge that the information provided is true and up to date where any false statement is an offense and may result in \* us / me being sued and responsible for any related claims and the Department of Fisheries Malaysia reserves the right to revoke the approval of recognition to our/my laboratory.*

*\*The failure of your laboratory to submit the report as stated above may affect the recognition by the Department of Fisheries Malaysia.*

Yang benar/ *Yours sincerely;*

Cop Syarikat/ *Company's Stamp:*

.....  
 ( )  
 Pengurus/ *Manager*  
 Tarikh/ *Date* :